

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI  
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- (a) jumlah cukai pelancongan (Tourism Tax) yang dikutip sejak ia dilaksanakan dan berapakah jumlah yang dikutip dari Sarawak; dan
- (b) berapakah peratus hasil yang dikutip akan dikembalikan kepada kerajaan Sarawak.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tarikh kutipan Cukai Pelancongan hanya mula berkuatkuasa pada 1 September 2017. Di bawah Fasal V perkara 18(1), tempoh bercukai atau (*taxable period*) bagi Cukai Pelancongan ialah tiga bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan bagi mana-mana tahun kalendar. Oleh itu, pembayaran (remit) oleh pengendali penginapan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) hanya akan dibuat selepas tarikh 30 November 2017.

Manakala, di bawah Fasal V perkara 18 (2), hanya pengendali premis penginapan yang telah berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Akta 762) diberikan tempoh bercukai yang sama di bawah Akta Cukai Pelancongan. Oleh itu, adalah masih terlalu awal bagi JKDM untuk memaklumkan jumlah kutipan yang telah dikutip.

Berkenaan dengan agihan hasil Cukai Pelancongan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bercadang untuk mengagihkan semula RM1.00 bagi setiap RM10.00 setiap bilik semalam (*room night*) yang dikutip kepada negeri-negeri bagi tujuan promosi sektor pelancongan bagi memastikan semua negeri mendapat hasil daripada kutipan cukai.

Kerajaan akan memastikan agihan hasil kutipan cukai pelancongan dimanfaatkan sebaiknya bagi menambah baik industri

pelancongan negara termasuk kepada Negeri Sarawak daripada segenap aspek seiring dengan kedudukannya sebagai salah satu sumber pendapatan utama negara.

Sekian, terima kasih.